

<b>Headline</b>	<b>BDB land enfiniti escapes bangunkan ekopelongan langkawi</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Sarawak</b>		
<b>Date</b>	18 Jan 2024	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>EKONOMI</b>	<b>Circulation</b>	<b>37,981</b>
<b>Page No</b>	35	<b>Readership</b>	<b>113,943</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>421 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	<b>RM 3,923</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily (EM)</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 11,769</b>



# BDB Land, Enfiniti Escapes bangunkan ekopelongan Langkawi

**LANGKAWI:** BDB Land Sdn Bhd, anak syarikat Bina Darulaman Bhd (BDB) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Enfiniti Escapes (M) Sdn Bhd bagi bekerjasama membangunkan sektor ekopelongan di Langkawi.

Pada majlis MoU itu, BDB Land diwakili Pengarah Eksekutif BDB Raja Shahreen Raja Othman manakala Enfiniti Escapes (M) Sdn Bhd diwakili Presiden Enfiniti Group of Companies, Puan Sri Tiara Jacqueline.

Raja Shahreen berkata, kedua-dua pihak merancang untuk menjalinkan usaha sama bagi membangunkan 'forest chalet' atau pembangunan berkonsep ekopelongan di Darulaman Sanctuary, Lubuk Semilang, Langkawi.

"Cadangan pembangunan itu adalah di kawasan seluas 10 ekar (4.04 hektar) di Darulaman Sanctuary yang mana BDB Land akan menjalankan kajian pelan ukuran terperinci di kawasan yang akan dikenal pasti untuk

dibangunkan, manakala Enfiniti Escapes akan memfokuskan konsep keseluruhan serta reka bentuk pembangunan berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh pihak BDB Land.

"Bagi memastikan pembangunan tersebut seajar dengan matlamat pemuliharaan dan kemapanan alam sekitar, BDB Land akan bekerjasama dengan FRIM Incorporated Sdn Bhd bagi mendapatkan khidmat nasihat dan kapakaran mereka," katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani MoU itu di sini, kelmarin.

Turut hadir, Pengerusi Inspire Ventures, Tan Sri Mohd Effendi Norwawi, Pegawai Daerah Langkawi, Mohamad Subhi Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Datuk Isahak Murat.

Dalam pada itu, Raja Shahreen berkata, kerjasama itu merupakan satu lagi usaha berterusan yang akan dilaksanakan BDB menerusi BDB Land bagi mewujudkan tarikan baharu di



Langkawi yang mana secara tidak langsung dapat membantu kerajaan negeri membangunkan lagi pulau peranginan berkenaan.

"Dengan kerjasama terbaru ini, diharap ia bakal melonjakkan lagi nama serta memberi nilai tambah baharu kepada Darulaman Sanctuary dan Langkawi terutamanya yang melibatkan sektor ekopelongan kepada pelancong tempatan serta luar negara," katanya.

Sementara itu, Tiara Jacqueline berkata, pihaknya berpendapat kawasan di Darulaman Sanctuary, Lubuk Semilang

PENGARAH Eksekutif Bina Darulaman Berhad (BDB), Raja Shahreen Raja Othman dan Presiden Enfiniti Group of Companies, Puan Sri Tiara Jacqueline bergambar bersama dokumen selepas menurunkan tandatangan pada majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara BDB Land Sdn Bhd dan Enfiniti Escapes (M) Sdn Bhd di Darulaman Sanctuary, Lubuk Semilang Kelmarin. • Foto BERNAMA

itu dapat menjadi daya tarikan baharu yang boleh ditawarkan kepada orang ramai, sama seperti di Tiarasa Escapes, Janda Baik di Pahang.

"Pemerhatian saya mendapati di Langkawi masih belum ada

'forest chalet' seperti di Tiarasa Escapes, jadi ia satu peluang yang baik dan konsepnya juga adalah berlainan. Kita akan kaji untuk lihat apa jenis produk ekopelongan yang sesuai dibina di sini," katanya. - Bernama